



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 (64)
Tarikh : 13 Disember 2023
Bersamaan : 29 Jamadilawal 1445H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL. 62/2023/O : PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PERIBADI
POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB) DAN TARIKH BERPENCIEN / BERSARA AWAL**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa setiap tahun terdapat perubahan maklumat peribadi bagi tujuan Potongan Cukai Bulanan dan akan memberi impak kepada potongan bulanan cukai di Penyata Gaji. Selain itu, jabatan ini juga mendapati, maklumat berkaitan tarikh lahir dan tarikh pencen tidak dilengkapkan di Sistem Gaji Berkomputer (HCM).

3. Sehubungan itu, tuan diminta untuk mengedarkan Borang Mengemaskini Maklumat Peribadi Bagi Tujuan Pengiraan Potongan Cukai Bulanan kepada semua pegawai seperti di Lampiran A dan mengunci masuk perubahan maklumat peribadi tersebut di Sistem HCM.


4. Tuan juga diminta membuat semakan serta mengemaskini tarikh pencen/ bersara awal pegawai supaya maklumat tersebut adalah sama seperti di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai. Perkara ini dapat mengelakkan berlakunya lebihan bayaran gaji kepada pegawai yang telah bersara. Oleh itu, **tindakan mengemaskini semua maklumat tersebut hendaklah dilaksanakan dengan kadar segera di dalam Sistem Gaji Berkomputer.**

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), C.A.(M)
Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
 BORANG MENGEMAS KINI MAKLUMAT PERIBADI BAGI TUJUAN
 PENGIRAAN POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

- 1 NAMA : _____
 2 NO. GAJI : _____
 3 NO. KAD PENGENALAN : _____
 4 NO. CUKAI PENDAPATAN : _____
 5 STATUS PERKAHWINAN *

	Tandakan 'X'
BUJANG	<input type="checkbox"/>
KAHWIN DAN PASANGAN TIDAK BERKERJA	<input type="checkbox"/>
KAHWIN DAN PASANGAN BEKERJA	<input type="checkbox"/>
DUDA / JANDA / BALU	<input type="checkbox"/>
BUJANG DENGAN ANAK ANGKAT	<input type="checkbox"/>

6 ANAK

	Bilangan Anak**	
	100%	50%
DI BAWAH 18 TAHUN		
NORMAL	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
KURANG UPAYA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
18 TAHUN DAN KEATAS		
SIJIL / MATRIKULASI	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
DIPLOMA DALAM NEGARA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
DIPLOMA LUAR NEGARA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
IJAZAH DALAM NEGARA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
IJAZAH LUAR NEGARA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
KURANG UPAYA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
KURANG UPAYA DI IPT	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

7 TUNTUTAN PELEPASAN

	Tandakan 'X'
INDIVIDU YANG KURANG UPAYA	<input type="checkbox"/>
SUAMI/ ISTERI YANG KURANG UPAYA	<input type="checkbox"/>

Untuk kegunaan
Pusat Pembayaran
Gaji

Kategori 1

Kategori 2

Kategori 3

Kategori 3

Kategori 3

Kategori 3

1 Anak = 1 Tanggungan

1 Anak = 3 Tanggungan

1 Anak = 1 Tanggungan

1 Anak = 4 Tanggungan

1 Anak = 4 Tanggungan

1 Anak = 4 Tanggungan

1 Anak = 4 Tanggungan

1 Anak = 3 Tanggungan

1 Anak = 7 Tanggungan

Jumlah Tanggungan:

100% 50%

RM6,000

RM3,500

Saya mengaku maklumat yang diberikan adalah benar,

(_____)

Nota: * Berdasarkan kepada Jadual PCB, pembayar cukai dibahagikan kepada 3 kategori:

Kategori 1: Bujang.

Kategori 2: Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja

Kategori 3: Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang dengan anak angkat

Jika isteri ATAU suami memilih untuk menuntut KESELURUHAN potongan anak, kategori PCB suami dan isteri ditentukan mengikut Kategori 3.

Jika seseorang pekerja yang telah bercerai, duda atau janda, Kategori 3 Jadual PCB adalah terpakai. Walau bagaimanapun sekiranya pekerja TIDAK mempunyai anak, Kategori 1 adalah terpakai.

Jika isteri/ suami, masing-masing memilih bilangan anak tertentu untuk menuntut potongan anak, PCB akan ditentukan mengikut Kategori 3.

Contoh: Pasangan suami isteri yang bekerja mempunyai 5 orang anak. Suami menuntut potongan bagi 3 orang anak dan isteri menuntut potongan bagi 2 orang anak. PCB ditentukan seperti berikut:

Suami : Kategori 3 & bil. anak 3; Isteri : Kategori 3 & bil. anak 2.

** Peratus kelayakan tuntutan pelepasan anak

Kelayakan 100% - Bagi Individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.

Kelayakan 50% - Di mana dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut separuh daripada pelepasan yang dibenarkan. Subseksyen 48(4)